

# E-Cutter

## mudahkan kerja tuai kelapa sawit



**E-Cutter mempercepatkan proses penuaian kelapa sawit.**

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@  
bh.com.my

► Serdang

penyelidikan bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Inovasi yang diberi nama E-Cutter itu adalah satu teknologi sabit elektrik yang dilengkapi generator khas yang ringan, jimat tenaga dan mampu menuai buah kelapa sawit serta mencantas pelepah kelapa sawit sehingga ketinggian 30 kaki.

Penyelidikanya, Prof

Madya Ir Dr Norhisam Misron, berkata penggunaan sabit itu mudah, ringkas dan lebih efisien kerana mempercepatkan proses penuaian kelapa sawit seterusnya meningkatkan hasil tuaian.

Katanya, E-Cutter juga adalah pelengkap kepada alatan menuai kelapa sawit sedia ada yang menggunakan kaedah manual seperti galah atau sabit.

### Teknologi 'cantas'

"Inovasi ini adalah penambahbaikan kepada teknologi 'cantas' dengan menggantikan konsep mekanikal kepada elektrik yang lebih ekonomi dan mesra alam.

"Penggunaannya mudah, hanya hulur sabit pada pangkal pelepah atau tandan buah sawit dan sabit akan bergetar untuk kerja memotong," katanya ketika ditemui pada Majlis Show Case Produk Ino-

### PROFIL

#### Kelebihan E-Cutter

- Efisien, ringkas dan mudah digunakan
- Menggunakan konsep elektrik
- Lebih ekonomi dan mesra alam
- Menggabungkan generator elektrik dan motor iaitu 'Double Standard Generator'
- Berciri ringan dengan berat kurang 9kg

nakan sebagai generator.

#### Berciri ringan

"Selain berciri ringan dengan berat kurang daripada 9 kilogram (kg), E-Cutter juga bersifat mudah alih, berkuasa tinggi dan boleh digerakkan menggunakan tenaga petrol," katanya.

Katanya, teknologi yang mengambil masa lima tahun untuk dibangunkan beliau dan Pegawai Penyelidik MPOB, Abdul Razak Jelani itu dibiayai geran penyelidikan RM300,000 daripada Kementerian Pendidikan Tinggi dan RM180,000 (MPOB).

Pada majlis itu, sesi demonstrasi penggunaannya turut dilakukan dan MIH selaku rakan industri UPM turut memperkenalkan ciptaan inovasi mereka iaitu jentera 'Oil Palm Harvester with Anti-brushing Collection System' yang memudahkan peladang memetik buah kelapa sawit pada pokok yang tinggi.

Jururunding Teknikal MIH, Dr David Tan berkata, jentera itu untuk menuai buah pada pokok sawit yang tinggi dan boleh dikendalikan biarpun oleh hanya seorang operator.

"Teknologi itu juga mempunyai sistem pungutan untuk meminimumkan kecederaan pada buah yang boleh menjelaskan kualiti minyak apabila diproses," katanya.

vasi UPM-MPOB dan Malaysia Innovation Hub (MIH) di Taman Pertanian Universiti, UPM, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris dan Pengerusi MIH, Tan Sri Dr Ghauth Jasmon.

Mengulas lanjut, Norhisam berkata, E-Cutter menggunakan konsep elektrik untuk menggerakkannya, berbanding teknik manual yang kebiasaannya digunakan peladang menuai buah kelapa sawit atau mencantas pelepahnya.

"Inovasi ini dibangunkan melalui sistem menggabungkan generator elektrik dan motor iaitu 'Double Standard Generator' yang mempunyai ketumpatan kuasa tinggi digu-